

27 JAN 2003

Chan-Undur

AMALAN SERAH KEPUTUSAN LEPAS JAWATAN KEPADA PM TIDAK HARUS BERTERUSAN

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Amalan segelintir pemimpin kerajaan yang menyerahkan keputusan melepaskan jawatan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menentukannya, tidak harus menjadi sindrom, kata Naib Presiden MCA Datuk Chan Kong Choy.

Katanya sekiranya pemimpin terbabit merasakan tidak mampu menjalankan tanggungjawab, mereka perlu melepaskan jawatan kepada individu yang berkelayakan serta berkemampuan.

"Saya bersetuju, sekiranya ada pemimpin yang mahu berundur, mereka harus pergi dan tidak adil untuk menyerahkan keputusan mereka kepada Perdana Menteri. Semua kita (pemimpin kerajaan) harus bersedia.

"Seseorang pemimpin tahu bila masa yang sesuai untuk mereka berundur. Sekiranya mereka berhasrat untuk berundur, mereka perlu berundur. Amalan menyerahkan keputusan kepada Perdana Menteri tidak harus dibiarkan berterusan," katanya selepas melawat dan menyerahkan hadiah sempena Tahun Baru Cina kepada 52 pesakit kanak-kanak di Hospital Selayang di sini hari ini.

Chan berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan beberapa pemimpin Umno dan Barisan Nasional untuk berundur dan tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Selain itu, Chan berkata hasrat Dr Mahathir melepaskan jawatan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menerajui kerajaan selepas Oktober ini juga harus menjadi ikutan, untuk memberi peluang kepada pemimpin lain.

"Saya sudah bekerja dengan beliau (Perdana Menteri) selama dua tahun (di Kementerian Kewangan). Saya lihat beliau sihat dan masih berkemampuan tetapi beliau masih mahu memberi peluang kepada (Abdullah).

"Perdana Menteri telah memberi contoh terbaik. Beliau mahu memberi peluang kepada pemimpin yang lebih muda untuk mengambilalih tanggungjawabnya," kata Chan yang juga Timbalan Menteri Kewangan.

Sementara itu, Chan yang menjadi pengantara bersama seorang lagi naib presiden MCA Datuk Ong Ka Ting, di bawah pelan damai MCA, berkata parti itu masih memegang kepada pelan damai yang diilhamkan oleh Perdana Menteri iaitu antaranya dalam pergerakan Pemuda, rundingan akan diadakan untuk mengisi kekosongan beberapa jawatan ketua Pemuda negeri.

"Kita masih memegang kepada pelan damai MCA yang diilhamkan Perdana Menteri iaitu semua jawatan kosong akan diisi selepas rundingan. Sekiranya rundingan itu tiada penyelesaian, jawatan terbabit akan dibiarkan kosong," katanya.

Sebelum ini, Pemuda MCA kecewa dengan keputusan Jawatankuasa Pusat (CC) berhubung pelantikan ketua Pemuda Selangor dan ketua-ketua Pemuda di tiga negeri iaitu Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan.

Setiausaha Agung Pemuda Liow Tiong Lai berkata pergerakan itu kecewa dengan keputusan melantik Wong Koon Mun sebagai ketua Pemuda MCA negeri Selangor dan juga arahan presiden agar jawatan ketua Pemuda di Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan yang telah dipertikaikan, diselesaikan oleh jawatankuasa perhubungan negeri masing-masing.

Ini kerana CC, sebelum ini memperakui barisan baru Pemuda bagi Selangor mengakibatkan bantahan daripada kumpulan yang dikaitkan dengan "Pasukan B" kerana ketua Pemuda negeri, Wong Koon Mun adalah daripada "Pasukan A", pimpinan presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

-- BERNAMA

ERE AHH RHM

